

08 OCT 2001

SULTAN TERENGGANU PEMANGKU YANG DIPERTUAN AGONG

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin hari ini menandatangani watakah perisytiharan memangku tugas Yang di-Pertuan Agong.

Watakah ditandatangani baginda pada satu majlis di Istana Terengganu di sini dengan disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ia selaras dengan peruntukan Perkara 33 Perlembagaan Persekutuan yang membolehkan Timbalan Yang di-Pertuan Agong menjalankan tugas-tugas Yang di-Pertuan Agong sekiranya Yangdi-Pertuan Agong tidak berupaya, gering atau berada di luar persekutuan.

Antara yang hadir pada majlis itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman dan Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah kini berada di sebuah hospital di Singapura selepas menjalani pembedahan kecil Sabtu lepas.

-- BERNAMA  
RBZ AZZ MAI